

**PERKAHWINAN ARISTOKRAT BUGIS DAN MELAYU ABAD KE-18:
KAJIAN BERDASARKAN TEKS SILSILAH MELAYU DAN BUGIS, HIKAYAT
UPU DAENG MENAMBUN DAN HIKAYAT NEGERI JOHOR**

Alwi Daud

Universiti Malaya

daeng_putera_bugis@yahoo.com

Abstrak

Makalah ini membincangkan perkahwinan antara aristokrat Bugis dan Melayu sekitar abad kelapan belas. Tujuannya untuk membuktikan perkahwinan aristokrat Bugis dan Melayu abad kelapan belas sama ada memberi kesan atau sebaliknya kepada sistem politik dan pentadbiran di alam Melayu. Meskipun terdapat pengkaji terdahulu antaranya Susan Bolyard Millar (2009), Asmiaty Amat (2012), Mardiana Nordin (2011) dan Abdullah Zakaria Ghazali (2002) membincangkan topik ini, tetapi perbincangan mereka kurang menyeluruh kepada fokus utama kajian. Sehubungan itu makalah ini akan: mengenal pasti kedudukan aristokrat Bugis di alam Melayu; menganalisis aspek penyatuan antara Bugis dan Melayu melalui perkahwinan; dan menilai kesan daripada perkahwinan ini sama ada memberi impak atau sebaliknya. Makalah ini menggunakan teks *Silsilah Melayu dan Bugis, Hikayat Upu Daeng Menambun* dan *Hikayat Negeri Johor* sebagai tunjang utama kajian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Pejabat Sultan Negeri Selangor dan Pejabat Sultan Negeri Johor untuk menjawab perkara yang dikemukakan. Secara keseluruhannya, perkahwinan antara kedua pihak, telah berjaya mengubah landskap politik di Alam Melayu. Antaranya: menjadi raja dibeberapa kerajaan; membentuk jawatan Yang Dipertuan Muda yang lebih berkuasa daripada sultan dan hanya dipegang oleh suku Bugis; dan mengekalkan geneologi aristokrat Bugis di alam Melayu. Seterusnya, legitemasi aristokrat Bugis di Johor dan Selangor masih kekal hingga kini (2016).

Kata Kunci: *Perkahwinan, aristokrat Bugis, aristokrat Melayu, Silsilah Melayu dan Bugis, Hikayat Upu Daeng Menambun dan Hikayat Negeri Johor*

**PERKAHWINAN ARISTOKRAT BUGIS DAN MELAYU ABAD KE-18:
KAJIAN BERDASARKAN TEKS SILSILAH MELAYU DAN BUGIS, HIKAYAT
UPU DAENG MENAMBUN DAN HIKAYAT NEGERI JOHOR¹**

PENDAHULUAN

Perkahwinan merupakan penyatuan antara lelaki dan wanita melalui satu perjanjian yang sah berdasarkan kepada ikrar yang dilafazkan oleh pasangan.² Dalam Masyarakat Bugis, lima proses utama sebuah perkahwinan iaitu melamar, bertunang, nikah, pesta dan pertemuaan antara keluarga.³ Proses ini mempunyai persamaan dengan perkahwinan masyarakat Melayu. Masyarakat Bugis menganggap perkahwinan yang ideal ialah melalui saudara rapat, baik sebelah ayah mahupun sebelah ibu. Perkahwinan antara saudara satu pupu (*sapposiseng*) disebut *assialang sikapu'na* (perkahwinan yang paling baik), perkahwinan antara saudara dua pupu (*sappokadua*) *assialanna memeng* (perkahwinan yang semestinya), perkahwinan antara saudara tiga pupu (*sappokatellu*) disebut *assiparewekenna mabelae* (merapatkan yang jauh) dan perkahwinan antara saudara empat pupu (*sappokaepa*) disebut *ripasikawerengi mabalaе* (mendekatkan yang jauh).⁴ Perkahwinan seumpama ini turut berlaku sekitar abad kelapan belas. Walaubagaimanapun proses perkahwinan

¹ Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Institusi Raja (Siraj IV) Hubungan Luar Kesultanan Melayu pada 29 September 2016 di Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur, anjuran Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia (PKIRM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia.

² Norazit Selat, *Konsep Asas Antropologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 128.

³ Susan Bolyard Millar, *Perkahwinan Bugis*, Makassar, Ininnawa, 2009, hlm. 85.

⁴ Abd. Latif, Nordin Hussin, *Sejarah Dan Politik Kerajaan Bugis Kedinamikan Konfederasi Ajattapareng Di Sulawesi Selatan 1812-1906*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015, hlm. 115.

ini sudah mula berubah sejajar dengan perubahan arus pemodenan dan tuntutan syarak.

Suku Bugis terkenal dengan penggunaan istilah tiga hujung iaitu “hujung lidah, hujung syahwat dan hujung keris”. Hujung lidah mewakili kepetahan Orang Bugis berbicara dan lazimnya dizahirkan dalam bentuk penulisan. Hujung syahwat pula mewakili sifat Orang Bugis yang menyebar luaskan zuriat keturunan mereka melalui perkahwinan. Mereka akan berkahwin dengan wanita tempatan ketika mereka berkunjung ke sesuatu tempat. Manakala hujung keris pula mewakili sikap keberanian dan kehandalan Orang Bugis ketika bertarung.

Secara keseluruhannya perkahwinan antara aristokrat Bugis dan Melayu sekitar abad kelapan belas telah mengubah landskap politik di Alam Melayu. Aristokrat Bugis yang muncul pada sekitar abad kelapan belas iaitu Daeng Parani (berkahwin dengan puteri dari kerajaan Johor, Selangor dan Kedah), Daeng Menambun (menjadi Raja Pontianak), Daeng Marewah (Yang Dipertuan Muda pertama), Daeng Chelak (Yang Dipertuan Muda kedua) dan Daeng Kemasi (Raja di Sambas Kalimantan).⁵ Kelima mereka merupakan putera kepada Opu Tenriborong Daeng Rilekkek Ibni La Maddusila putera Raja Luwu ke-24 dan 26.⁶ Mereka meninggalkan tanah Bugis (Sulawesi Selatan) ketika berlakunya perang saudara antara Gowa-Makassar dengan Belanda yang dibantu oleh beberapa kerajaan Bugis iaitu Bone dan Soppeng. Konflik sedekad antara kedua pihak tersebut membawa kepada penghijrahan besar-besaran orang Bugis ke pelosok Alam Melayu termasuklah Opu Bugis Lima Bersaudara.

⁵ CO 439/1 The Administration Report Of The State Selangor, For the Year 1889.

⁶ Muhlis Hadrawi, *Menelesuri geneologi “Lima Bersaudara” Berdasarkan Naskhah Lontara*. Universiti Kebangsaan Malaysia. 2010, hlm 6.

Mereka akhirnya berjaya mengukuhkan kedudukan di beberapa kerajaan Nusantara melalui hubungan politik dan perkahwinan.

Oleh yang demikian, makalah ini akan membincangkan perkahwinan aristokrat Bugis dan Melayu pada abad kelapan belas berdasarkan tiga teks utama iaitu *Silsilah Melayu dan Bugis*, *Hikayat Upu Daeng Menambun* dan *Hikayat Negeri Johor*. Meskipun terdapat pengkaji terdahulu antaranya Susan Bolyard Millar (2009), Asmiaty Amat (2012), Mardiana Nordin (2011) dan Abdullah Zakaria Ghazali (2002)

membincangkan topik ini, tetapi perbincangan mereka kurang menyeluruh kepada fokus utama kajian. Sehubungan itu makalah ini akan: mengenal pasti kedudukan aristokrat Bugis di Alam Melayu; menganalisis aspek penyatuan antara Bugis dan Melayu melalui perkahwinan; dan menilai kesan daripada perkahwinan ini sama ada memberi impak atau sebaliknya.

Kedudukan Aristokrat Bugis Di Alam Melayu

Kedatangan Opu Bugis Lima Bersaudara bermula apabila mereka mendapat petunjuk dari mimpi Daeng Menambun. Dalam mimpi tersebut dikatakan bahawa syahwat Opu Daeng Chelak telah menjulur ke laut dan bertukar menjadi naga dan menghala ke sebelah barat.⁷ Daeng Menambun kemudian memaklumkan mimpi beliau kepada ayahanda dan saudaranya yang lain. Mereka bermusyawarah dan bersetuju untuk belseyar ke Alam Melayu sebelah barat yakni Johor pada masa tersebut.

Awal pertapakan Opu Bugis Lima Bersaudara yang merupakan aristokrat Bugis dari Luwu Sulawesi Selatan ini, bermula apabila mereka diundang untuk membantu

⁷ Mohd. Yusof Md. Nor (Diusahakan), *Silsilah Melayu dan Bugis*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984, hlm 20.

Raja Sulaiman merampas kembali takhta kerajaan yang diambil oleh Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah atau Raja Kechil. Setelah berjaya membantu membebaskan Johor-Riau dari kekuasaan Raja Kechil, jawatan Yang Dipertuan Muda telah diperkenalkan oleh Opu Bugis Lima Bersaudara atas persetujuan Raja Sulaiman. Daeng Marewah dilantik menjadi Yang Dipertuan Muda pertama dengan gelaran Kelana Jaya Putera. Ini menjadi titik tolak kepada pengukuhan pengaruh Bugis khususnya Opu Bugis Lima Bersaudara di alam Melayu.

Seterusnya Opu Bugis Lima Bersaudara terlibat dalam membantu nelayan Bugis menentang Penghulu Linggi. Rasa tidak puas hati timbul dari nelayan Bugis apabila hasil tangkapan mereka telah diminta oleh Penghulu Linggi. Situasi ini mencetuskan konflik lalu membawa kepada pergaduhan dan perperangan. Penghulu Linggi telah meminta bantuan Raja Kechil sementara nelayan Bugis meminta bantuan Opu Bugis Lima Bersaudara. Walau bagaimanapun, perperangan ini berpihak kepada pakatan Bugis dan Penghulu Linggi terpaksa tunduk serta akur kepada Bugis. Dalam teks *Silsilah Melayu dan Bugis* menyebut:

Jika tiada lekas duli tuanku berangkat ke Linggi ini membantu akan patik-patik semua nescaya alahlah negeri Linggi ini dan patik semua pun bertuankan Bugislah.⁸

Dalam pada itu, Opu Bugis Lima Bersaudara juga mempunyai kedudukan di Selangor. Raja Lumu anak kepada salah seorang Opu Bugis Lima Bersaudara iaitu Daeng Chelak, telah berjaya membebaskan Selangor dari naungan Johor. Baginda

⁸ Mohd. Yusof Md. Nor (Diusahakan), *Silsilah Melayu dan Bugis*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984, hlm.69.

telah ditabalkan oleh Sultan Mahmud Syah Perak, sebagai Sultan Selangor dengan gelaran Sultan Salehuddin Riayat Syah Ibni Daeng Chelak. Meskipun sudah ada Orang Bugis sebelum kedatangan Opu Bugis Lima Bersaudara, akan tetapi jawatan tertinggi dalam kerajaan Selangor bermula setelah kedatangan Opu Bugis Lima Bersaudara.

Sementara itu Opu Bugis Lima Bersaudara turut terlibat di Perak. Sekitar tahun 1720-an dan 1740-an lagi Orang Bugis sudah terlibat dengan kancang politik di Perak. Kematian Encik Unuk anak kepada Daeng Marewah akibat diracun menyebabkan Bugis ingin menuntut bela atas kematiannya.

Pada tahun 1740, Daeng Chelak datang ke Perak untuk menuntut bela atas kematian anak saudaranya itu. Pertempuran berlaku dan Perak berjaya dikalahkan. Pada tahun 1742, Daeng Chelak bersama anaknya Raja Lumu membantu Raja Muda Bisnu menyerang Sultan Muzaffar Syah III. Walau bagaimanapun pakatan ini gagal menggulingkan Sultan Muzaffar Syah. Kendatipun, pakatan Bugis ini telah berjaya melantik Raja Muda Bisnu sebagai Sultan Perak dengan gelaran Sultan Muhammad dan bersemayam di Brahman Indera. Sultan Muzaffar Syah pula kekal memerintah dan bersemayam di Kuala Kangsar.

Opu Bugis Lima Bersaudara juga turut terlibat dalam politik di Kedah. Penglibatan dan Peranan yang dimainkan di Kedah juga menyamai senario politik yang berlaku di Johor, iaitu perebutan takhta. Pada tahun 1723, Sultan Muhammad Jiwa telah digulingkan oleh adindanya iaitu Raja Nambang.⁹ Lantaran itu, Sultan Muhammad Jiwa meminta bantuan Opu Bugis lima yang dipimpin oleh Daeng Parani untuk merampas kembali takhta tersebut. Maka Daeng Parani bermesyuarat dengan

⁹ Abdullah Zakaria Ghazali, ‘Kedah Sehingga Kurun Ke-19: Cabaran dan Persaingan, dalam *Polemik Sejarah Malaysia*, Jil 2, 2009, hlm. 284.

Penghulu Bugis di Kedah serta Orang Makassar dan Mandar sekalian untuk melantik semula Sultan Muhammad Jiwa sebagai Sultan Kedah. Perlantikan Sultan Muhammad Jiwa menyebabkan Raja Nambang tidak berpuas hati lalu meminta bantuan dari Raja Kechil. Maka perang tercetus kembali, akan tetapi sekali lagi pakatan Bugis lima bersaudara berjaya mencapai kemenangan dan Sultan Muhammad Jiwa kekal memerintah Kedah.

Seterusnya, peranan Opu Bugis Lima Bersaudara turut berlaku di Kalimantan barat, sebahagian daripada kepulauan Borneo.¹⁰ Mereka terlibat di Sambas, Matan dan Mempawah. Ketiga kerajaan ini mewakili kerajaan Melayu di Kalimantan Barat yang turut melibatkan kerajaan Kadriah.¹¹ Di Matan, berlaku konflik dalam apabila berlaku perang saudara antara Penembahan Agung dengan Sultan Muhammad Zainuddin. Pangiran Agung atau Penembahan Agung yang dibantu oleh Daeng Matekko dan Haji Hafiz pada mulanya berjaya mengalahkan Sultan Muhammad Zainuddin. Baginda yang terkepung di Masjid segera meminta bantuan dari Opu Bugis Lima Bersaudara. Kedatangan Opu Bugis Lima berjaya membebaskan Sultan Muhammad Zainuddin dan baginda kembali bertakhta sebagai pemerintah di Matan. Setelah itu, Sultan Muhammad Zainuddin berkenan untuk mengahwinkan puteri baginda dengan salah seorang dari Opu Bugis Lima Bersaudara. Puteri Kesumba di kahwinkan dengan Daeng Menambun. Daeng Menambun kemudian membuka penempatan di Bukit Sirama dan menubuhkan kerajaan baru serta menjadi raja Mempawah dengan gelaran Pangiran Emas Seri Negara. Opu Bugis Lima Bersaudara

¹⁰ Terletak di barat daya lautan pasifik. Merupakan Kepulauan ketiga terbesar di dunia. Merangkumi Kalimantan Barat Indonesia, Sabah, Sarawak Malaysia dan Brunei Darussalam. Sumber <http://www.britannica.com/place/Borneo-island-Pacific-Ocean>.

¹¹ Muhlis Hadrawi, Kedatangan Dan Integrasi Orang Melayu Di Sulawesi Selatan Sekitar Abad XV-XVII Berdasarkan Lontara. Thesis (P.HD). Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015, hlm. 328.

turut berperanan di Sambas. Ia melalui perkahwinan antara Daeng Kemasi dengan Raden Tengah. Setelah itu Daeng Kemasi dilantik menjadi Raja Sambas dengan gelaran Pangeran Mangkubumi.

Perkahwinan antara Aristokrat Bugis Dan Melayu Berdasarkan teks *Silsilah Melayu dan Bugis*, *Hikayat Upu Daeng Menambun* dan *Hikayat Negeri Johor*.

Silsilah Melayu dan Bugis

Dalam teks ini diceritakan dengan jelas perihal perkahwinan antara aristokrat Bugis dan Melayu. Memandangkan teks ini lebih memfokus kepada Bugis, maka intipatinya lebih tertumpu kepada Opu Bugis Lima Bersaudara keturunan aristokrat Bugis dari Luwu Sulawesi Selatan pada sekitar abad kelapan belas.

Perkahwinan pertama melibatkan antara Daeng Menambun dan Puteri Kesumba anakanda kepada Sultan Muhammad Zainuddin yang memerintah kerajaan Matan. Ibunda Puteri Kesumba ialah Ratu Sultan Mas Inderawati merupakan anakanda kepada Penembahan Sengkawok Raja Mempawah. Perkahwinan ini telah melahirkan sepuluh orang zuriat iaitu lima putera dan lima puteri. Puteri pertama Opu Daeng Menambun bergelar Utin Damawan dan berkahwin dengan Raja Landak. Putera kedua lelaki bergelar Gusti Jamril dan mendapat gelaran khas sebagai Penembahan Adi Wijaya Kesuma kerana menjadi Raja di negeri Mempawah. Putera ketiga Opu Daeng Menambun bergelar Gusti Jamadin juga digelar sebagai Sambas Pangeran Cakra. Manakala puteri keempat bernama Utin Candera Sari bergelar Ratu Simpang. Seterusnya putera kelima bernama Gusti Jaladri dan digelar Pangeran Mangku. Puteri Keenam bergelar Ratu Surya Kasuma, sementara putera ketujuh iaitu Gusti Jalama dan bergelar Gusti Panglima. Seterusnya puteri kelapan iaitu Utin Candera Midi

bergelar Ratu Sultan Pontianak yang bersuamikan Sultan Syarif Abdul Rahman ibnu Al-Habib Al-Husain Al-Kadri Sultan Pontianak. Putera kesembilan Opu Daeng Menambun bergelar Gusti Sina bergelar Pangeran Jaya Putera dan Puteri kesepuluh iaitu Utin Tawang bergelar Utin Busu bersuamikan Pangeran Ghafur sepupu satu pupu kepada Sultan Brunei. Perkahwinan aristokrat Bugis dan Melayu seterusnya antara Opu Daeng Parani dengan puteri Nakhoda Alang di Siantan. Hasil perkahwinan ini melahirkan Daeng Kemboja yang kemudiannya menjadi Yang Dipertuan Muda Johor-Riau ketiga. Dalam teks ini juga dijelaskan mengenai perkahwinan Opu Daeng Parani dengan Tengku Tengah adinda kepada baginda Raja Sulaiman. Upacara pernikahan ini telah dilakukan sendiri oleh Raja Sulaiman. Baginda turut menikahkan Ibunda saudaranya iaitu Tun Tipah dengan Daeng Menampo' manakala Daeng Massuro pula dinikahkan dengan Tun Kecil (anak marhum Muda) dan Daeng Monto dengan Tun Inah juga anak kepada Marhum Muda.¹² Opu Daeng Parani juga berkahwin dengan Puteri Yamtuan Selangor dan adinda kepada Sultan Kedah.

Sementara itu Yang Dipertuan Muda Johor-Riau pertama, Opu Daeng Marewah berkahwin dengan Engku Temenggung Riau yang bernama Engku Ence' Ayu. Perkahwinan ini melahirkan Lamappaono' atau Ence' Ono', Engku Fatimah yang terkenal dengan keberaniannya dan Engku Puan yang melahirkan Tengku Muda Riau. Engku Fatimah kemudian berkahwin dengan anakanda Daeng Parani iaitu Daeng Kemboja juga digelar sebagai Marhum Janggut.¹³

¹² Raja Ali Haji, *Silsilah Melayu dan Bugis*, Arena Wati, (penyelenggara), Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara, 1973, hlm.83.

¹³ Ibid, hlm. 104.

Perkahwinan yang seterusnya ialah antara Opu Daeng Chelak dengan Tengku Mandak, adinda Raja Sulaiman. Upacara perkahwinan ini diadakan secara besar-besaran dan berlangsung selama tujuh hari. Dalam teks ini diceritakan dengan terperinci upacara perkahwinan antara Opu Daeng Chelak yang mewakili aristokrat Bugis dengan Tengku Mandak aristokrat Melayu. Perkahwinan mereka melahirkan dua orang Putera yang terkenal iaitu Raja Haji dan Raja Lumu yang kemudiannya menjadi Sultan Selangor pertama bergelar Sultan Salehuddin Riayat Syah. Seterusnya perkahwinan antara Daeng Kemasi dengan Puteri Raja Adil, Sultan di negeri Sambas iaitu Raden Tengah. Daeng Kemasi kemudiannya dilantik sebagai pemerintah negeri Sambas dengan gelaran Pangeran Mangkubumi Sambas.

Hikayat Upu Daeng Menambun

Teks *Hikayat Upu Daeng Menambun* turut menggambarkan tentang perkahwinan antara aristokrat Bugis dan Melayu. Perkahwinan antara Raja Tengah anakanda Raja Brunei dengan Sultan Muhammad Saiffuddin melahirkan Raden Sulaiman juga digelar Sultan Muhammad Saiffuddin di negeri Sambas kerana menyalin gelaran Pak Mudanya dari Sukadana bergelar Sultan Muhammad Saiffuddin.¹⁴ Dari keturunan Sultan Muhammad Saiffuddin Sukadana kemudian lahirlah Sultan Muhammad Zainuddin yang berkahwin dengan puteri Panembahan Sangkawak di Mempawah iaitu Emas Inderawati. Memiliki enam orang zuriat iaitu Puteri Kesumba, Pangeran Ratu, Sultan Mangkurat, Pangeran Agung Martadipura,

¹⁴ Rogayah A. Hamid, (diselenggarakan), *Hikayat Upu Daeng Menambun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hlm. 20.

Utin Kerupas dan Utin Kerupis.¹⁵ Puteri Kesumba kemudian berkahwin dengan Opu Daeng menambun yang kemudian dilantik menjadi raja di Mempawah dengan gelaran Pangeran Emas Seri Negara.

Teks ini juga menjelaskan tentang adik-beradik Opu Bugis Lima Bersaudara dan susur galur keturunan mereka yang menyebar luas melalui perkahwinan. Melalui Opu Daeng Parani yang berkahwin dengan anakanda kepada Nakhoda Alang, lahirlah Daeng Kemboja Yang Dipertuan Muda ketiga juga bergelar Marhum Janggut Daeng Khatijah. Daeng Marewah Yang Dipertuan Muda pertama mempunyai dua orang zuriat iaitu Lamapa Unuk dan Raja Fatimah. Manakala Opu Daeng Chelak mempunyai empat orang zuriat iaitu Tengku Putih, Tengku Hitam, Raja Haji dan Raja Halimah.¹⁶ Manakala Opu Daeng Kemasi bergelar Pangeran Mangkubumi Sambas yang berkahwin dengan adinda kepada Sultan Adil iaitu Raden Tengah. Mereka mendapat empat orang zuriat iaitu Emas Sani, Emas Sahaja, Daeng Bokak dan Emas Uteh.¹⁷ *Hikayat Upu Daeng Menambun* menjelaskan seperti berikut mengenai perkahwinan Opu Daeng Kemasi:

“Maka Sultan Adil pun sukalah. Maka tiada berapa lama antara harinya, lalu dikahwinkanlah Upu Daeng Kemasi itu dengan adiknya yang perempuan yang bernama Raden Tengah itu. Serta sampai tujuh harinya, maka digelarnyalah oleh Sultan Adil Upu Daeng Kemasi itu Pangeran Mangkubumi di dalam daerah negeri Sambas”.¹⁸

Hikayat Negeri Johor

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Ibid, hlm. 21.

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Ibid, hlm. 46.

Teks ini menyentuh serba sedikit perihal perkahwinan antara aristokrat Bugis dan Melayu. Dalam teks ini disebutkan perkahwinan antara Daeng Parani dengan Tengku Irang (Tengku Tengah). Daeng Menampo' berkahwin dengan Tun Tipah iaitu adinda kepada Raja Sulaiman, Daeng Masuro berkahwin dengan Tun Kechik dan Daeng Mengeto' berkahwin dengan Tun Aishah.¹⁹ Selain itu dinyatakan juga perkahwinan antara Daeng Matekko²⁰ dengan Engku Tengah. Opu Daeng Chelak atau Daeng Pali (dalam teks ini di nyatakan Daeng Ali) berkahwin dengan Raja Bakal.

Turut disentuh ialah perkahwinan antara Raja Haji putera kepada Opu Daeng Chelak dengan Encik Aisyah, bagaimanapun Encik Aisyah mati dan Raja Haji kemudian dikahwinkan dengan Encik Sajik anakanda kepada Tengku Raja Amran.²¹

Impak Perkahwinan antara Aristokrat Bugis dan Melayu sekitar Abad Ke-18

Aristokrat Bugis menjadi Raja

Perkahwinan antara aristokrat Bugis dan Melayu telah memberi Impak yang besar dalam struktur politik dan sosial di Nusantara. Melalui perkahwinan ini beberapa kerajaan telah bertukar pemimpin khususnya dalam konteks kesukuan.

¹⁹ Abdullah Zakaria Ghazali, (2002). 'Daeng Chelak Ibni Daeng Rilekkek, : Menelusuri Maklumat Daripada Teks Melayu' , Jurnal Seri Alam, jil.8, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 119.

²⁰ Berasal dari Wajo merupakan sekutu kuat kepada Raja Kechil yang menjadi seteru utama kepada Opu Bugis Lima Bersaudara.

²¹ Rusphin@ Mohd. Asyraf Taip. (2003). *Sejarah Politik Negeri Selangor: Kajian Berdasarkan kepada Teks: Hikayat Negeri Johor* (Latihan Ilmiah), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 58.

Kesinambungan legitemasi kerajaan yang dipimpin oleh Raja Melayu sebelum ini, telah disambung atau diambil alih oleh suku Bugis.

Opu Daeng Menambun yang berkahwin dengan Puteri Kesumba anakanda Sultan Muhammad Zainuddin dan Ratu Sultan Mas Iderawati merupakan anakanda kepada Penembahan Sengkawok Raja Mempawah. Opu Daeng Menambun kemudian membuka penempatan di Bukit Serama dan kemudiannya dilantik menjadi Raja Mempawah memakai gelaran Pangeran Emas Seri Negara. Dengan ini berlaku pengaliran kuasa dari suku Melayu ke suku Bugis.

Seterusnya perkahwinan antara Daeng Kemasi dengan Puteri Raja Adil, Sultan di negeri Sambas iaitu Raden Tengah. Daeng Kemasi kemudian dilantik sebagai pemerintah negeri Sambas dengan gelaran Pangeran Mangkubumi Sambas. Selain itu, Pada tahun 1730, Raja Lumu putera Daeng Chelak telah dihantar ke Selangor untuk mentadbir negeri. Baginda kemudian ditabalkan sebagai sultan Selangor pertama dengan gelaran Sultan Salehuddin Riayat Syah Ibni Daeng Chelak. Untuk mendapatkan gelaran sultan yang berdaulat, Sultan Salehuddin kemudiannya ke Perak untuk memohon perkenan secara rasmi sebagai Sultan daripada Sultan Perak iaitu Sultan Mahmud.

Jawatan Yang Dipertuan Muda

Setelah berjaya mengalahkan pakatan Raja Kechil dengan bantuan Bugis, Raja Sulaiman berkenan untuk mengahwinkan adindanya Tengku Mandak dengan putera aristokrat Bugis iaitu Daeng Chelak. Upacara pernikahan ini telah dilakukan sendiri oleh Raja Sulaiman. Baginda turut menikahkan Ibunda saudaranya iaitu Tun Tipah dengan Daeng Menampo'. Manakala Daeng Massuro pula dinikahkan dengan Tun Kecil (anak marhum Muda) dan Daeng Monto dengan Tun Inah juga anak kepada

Marhum Muda. Baginda turut memperkenankan jawatan Yang Dipertuan Muda dan Raja Tua yang di pinta oleh aristokrat Bugis.

Perkahwinan antara aristokrat Bugis dan Melayu telah memberi kelebihan kepada suku Bugis. Melalui perkahwinan antara kedua suku ini satu jawatan telah diwujudkan iaitu jawatan Yang DiPertuan Muda. Ia sebagai membala jasa suku Bugis yang membantu mengembalikan kuasa pemerintahan Johor-Riau dari Raja Kechil, kepada Raja Sulaiman. Daeng Marewah menjadi Yang Dipertuan Muda pertama bergelar Kelana Jaya Putera. Berikutnya Daeng Chelak yang kemudiannya diteruskan oleh zuriat Daeng Parani iaitu Daeng Kemboja menjadi Yang Dipertuan Muda ketiga. Yang Dipertuan Muda keempat dipegang oleh Raja Haji seterusnya Raja Ali menjadi Yang Dipertuan Muda kelima dan Raja Jaafar keenam. Sementara itu jawatan Raja Tua disandang oleh Daeng Menampok. Jawatan ini hanya disandang oleh suku Bugis dan keturunannya. Menurut Andaya, jawatan Yang Dipertuan Muda menyamai jawatan dalam kerajaan Bone di Sulawesi Selatan. Ia diistilahkan sebagai *Tomarilaleng*. Dalam kerajaan Bone, *Tomarilaleng* tidak pernah menjadi pewaris takhta kerajaan, tetapi berkuasa untuk menangani seluruh urusan rasmi dan urusan penting. Malahan dalam kerajaan ia sangat dekat dengan penguasa yakni raja. *Tomarilaleng Lolo* dan *Tomarilaleng Toa* merupakan penasihat atau menteri yang mempunyai hubungan akrab dengan raja. Model jawatan inilah yang dijadikan paksi kepada jawatan Yang Dipertuan Muda dan Raja Tua yang menjadi dambaan Opu Bugis Lima Bersaudara dalam kerajaan Melayu.²² Sementara itu, Daeng Parani kekanda kepada Opu Bugis Lima yang lain menyatakan dalam *Silsilah Melayu dan Bugis* seperti berikut:

²² Leonard Y. Andaya. (2010). *Diaspora Bugis, Identitas dan Islam di Negeri Malaya*, dlm Diaspora Bugis Di Alam Melayu. Ininnawa, Makassar, hlm. 22.

Dan lagi pula Yamtuan Besar jadi seperti perempuan saja, jika diberinya makan maka baharulah ia. Dan Yamtuan Muda jadi seperti laki-laki. Dan jika datang satu-satu hal atau apa-apa juga bicara, melainkan apa-apa kata Yamtuan Muda. Syahdan sekalian perjanjian kita mana-mana yang tersebut itu, tiada boleh diobahkan lagi. Maka boleh kita semua pakai sampai kepada anak-cucu-cicit turun-temurun kita kekalkan selama-lamanya.²³

Menurut Andaya lagi, kata-kata ini bersifat spontan dan bukanlah bermaksud kuasa yang dimiliki oleh Opu Bugis Lima Bersaudara melalui Jawatan Yang Dipertuan Muda itu bersifat Mutlak. Ia bermaksud untuk menyampaikan sumpah dan taat setia kepada raja, dalam situasi ini ia melibatkan Opu Bugis Lima Bersaudara dengan Raja Sulaiman.²⁴

Walau bagaimanapun pengaruh jawatan Yang Dipertuan Muda yang berhasil secara tidak langsung melalui proses perkahwinan antara dua suku aristokrat ini, tampak lebih dominan dari kuasa yang ada pada Sultan. Antaranya mengetuai peperangan sebanyak sepuluh kali menentang Raja Kechil dari Siak Minangkabau dan menghapuskan pengaruh yang dimiliki oleh Orang Laut sebagai ketua armada laut.

²³ Raja Ali Haji, *Silsilah Melayu dan Bugis*, Arena Wati, (penyelenggara), Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara, 1973, hlm. 67.

²⁴ Leonard Y. Andaya. (2010). *Diaspora Bugis, Identitas dan Islam di Negeri Malaya*, dlm Diaspora Bugis Di Alam Melayu. Ininnawa, Makassar, hlm. 22.

Semasa Raja Haji menjadi Yang Dipertuan Muda, beliau telah beberapa kali mematahkan serangan yang dilancarkan oleh Belanda. Walau bagaimanapun beliau telah syahid di Teluk Ketapang pada 1784.²⁵

Yang Dipertuan Muda juga turut terlibat dengan perlantikan Sultan Johor selepas kemangkatan Raja Sulaiman. Tuhfat menyatakan bahawa Yang Dipertuan Muda Daeng Marewah bertanggung jawab menabalkan putera Raja Kedah yang tua sebagai Yang Dipertuan Kedah.²⁶ Ini memperlihatkan pengaruh besar yang ada pada jawatan Yang Dipertuan Muda sehingga urusan perlantikan sultan turut membabitkan mereka.

Selain itu, keadaan ekonomi Johor-Riau semakin maju dan meningkat dibawah pengaruh kekuasaan Yang Dipertuan Muda. Tuhfat al-Nafis menceritakan bagaimana perahu-perahu dagang datang dari barat dan timur. Perdagangan secara sistem barter dijalankan dengan lancar dan aktiviti perdagangan dikawal rapi dengan diketuai oleh Yang Dipertuan Muda. Tuhfat juga menyebut bagaimana Yang Dipertuan Muda berperanan dalam menggalakkan aktiviti penanaman gambir di Riau. Ia meningkatkan ekonomi penduduk Johor pada masa tersebut. Disamping itu juga menggalakkan kedatangan pedagang dan pekerja-pekerja dari luar negeri termasuk dari arab sekaligus menyampaikan dakwah di masjid-masjid. Kekuatan ketenteraan dan diperkuatkan dan kubu-kubu diperkemaskan.

Geneologi Aristokrat Bugis hingga kini

²⁵ Mardiana Nordin, Sistem Penggantian Kesultanan Johor, dalam *Polemik Sejarah Malaysia*, Jil 2, 2009, hlm. 116.

²⁶ Mardiana Nordin,(2008) *Politik Kerajaan Johor 1718-1862*, Yayasan Warisan Johor, Johor Baru, hlm.84.

Impak melalui perkahwinan antara kedua aristokrat Bugis dan Melayu menyebabkan geneologi mereka kekal menjadi waris dan pemerintah dibeberapa kerajaan hingga ke hari ini. Geneologi keturunan Opu Bugis Lima Bersaudara juga turut terlibat dalam pembentukan beberapa kerajaan.

Melalui Opu Daeng Parani lahirlah Daeng Kemboja Yang Dipertuan Muda Johor-Riau ketiga. Kemudian melahirkan Raja Ali juga digelar marhum Pulau Bayan yang menjadi Yang Dipertuan Muda kelima.²⁷ Dari zuriat Daeng Parani juga lahirlah Tengku Maimunah yang kemudian berkahwin dengan Tun Abdul Jamal. Kemudian Daeng Kecik melahirkan Tun Abdul Rahman (Singapura). Setelah itu lahir Tun Ibrahim/Daeng Ronggek Temenggung Johor, kemudian Maharaja Abu Bakar yang kemudian bergelar Sultan Abu Bakar menuju ke Sultan Ibrahim, kemudian Sultan Ismail dan Sultan Mahmud (Yang Dipertuan Agong 1984).²⁸ Geneologi ini kekal memerintah negeri Johor hingga ke hari ini.

Geneologi yang seterusnya ialah dari Opu Daeng Chelak Ibni Daeng Rilekkek. Melalui perkahwinan dengan aristokrat melayu iaitu Tengku Mandak melahirkan Raja Haji (Yang Dipertuan Muda Keempat) dan Raja Lumu, Sultan Selangor pertama yang membawa gelaran Sultan Salehuddin Riayat Syah (1766-1782). Geneologi ini kemudian diwarisi oleh Raja Ibrahim yang menjadi Sultan Selangor kedua (1782-1826). Ia kemudian beralih kepada Raja Mohamad Sultan Selangor ketiga (1826-1857). Zuriat Raja Abdullah adinda Raja Mohamad iaitu Raja Abdul Samad mengambil alih pemerintahan menjadi Sultan Selangor keempat (1857-1898). Cucunda Raja Abdul Samad dari ayahandanya Raja Musa iaitu Raja Sulaiman menjadi Sultan Selangor kelima (1898-1938). Kesinambungannya diteruskan lagi

²⁷ Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, 5215/1919.

²⁸ Istana Negara. 20/1.

apabila Tengku Musauddin menaiki takhta menjadi Sultan Selangor kelima (1942-1945). Walau bagaimanapun pemerintahan ini tidak kekal lama akibat berlaku konflik dalaman. Oleh yang demikian Tengku Alam Shah telah mengambil alih jawatan Yamtuan Besar Selangor pada 1945-1960. Ia kemudiannya di warisi oleh Raja Abdul Aziz sebagai Sultan Selangor ketujuh.²⁹ Dan hingga kesaat ini genealogi dari Opu Daeng Chelak putera aristokrat Bugis yang berkahwin dengan Tengku Mandak Puteri aristokrat melayu masih kekal memerintah Selangor hingga kini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, perkahwinan antara kedua pihak, telah berjaya mengubah landskap politik dalam Melayu. Antaranya: menjadi raja dibeberapa kerajaan; membentuk jawatan Yang Dipertuan Muda yang tampak lebih berkuasa daripada sultan dan hanya dipegang oleh suku Bugis; dan mengekalkan genealogi aristokrat Bugis di alam Melayu. Seterusnya, legitemasi aristokrat Bugis di Johor dan Selangor masih kekal hingga kini (2016). Meskipun selepas perjanjian antara British dan Belanda pada 1824 yang menyaksikan pemisahan beberapa kerajaan Melayu, seperti Johor yang diambil alih oleh pemerintahan British dan Riau oleh Belanda, akan tetapi genealogi yang terhasil melalui perkahwinan kedua aristokrat ini masih wujud, malahan menjadi pemerintah di beberapa kerajaan. Namun demikian akibat perbezaan sistem pemerintahan di mana Riau yang diambil alih oleh Belanda kemudian menjadi sebuah negeri dalam Indonesia, menyaksikan Riau kehilangan kuasa yang ada pada Sultan sebagai pemerintah kerajaan.

²⁹ Ibid.

RUJUKAN

- Abdullah Zakaria Ghazali, (2002). ‘*Daeng Chelak Ibni Daeng Rilekkek, : Menelusuri Maklumat Daripada Teks Melayu*’ , Jurnal Seri Alam, jil.8, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdullah Zakaria Ghazali, ‘Kedah Sehingga Kurun Ke-19: Cabaran dan Persaingan, dalam *Polemik Sejarah Malaysia*, Jil 2, 2009.
- Abd. Latif, Nordin Hussin, *Sejarah Dan Politik Kerajaan Bugis Kedinamikan Konfederasi Ajattapareng Di Sulawesi Selatan 1812-1906*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- CO 439/1 The Administration Report Of The State Selangor, For the Year 1889. Istana Negara. 20/1.
- Leonard Y. Andaya. *Diaspora Bugis, Identitas dan Islam di Negeri Malaya*, dlm Diaspora Bugis Di Alam Melayu. Ininnawa, Makassar. 2010.
- Mardiana Nordin, *Politik Kerajaan Johor 1718-1862*, Yayasan Warisan Johor, Johor Baru. 2008.
- Mardiana Nordin, *Sistem Penggantian Kesultanan Johor*, dalam *Polemik Sejarah Malaysia*, Jil 2, 2009.
- Mohd. Yusof Md. Nor (Diusahakan), *Silsilah Melayu dan Bugis*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Muhlis Hadrawi, *Menelesuri geneologi “ Lima Bersaudara ” Berdasarkan Naskhah Lontara*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhlis Hadrawi, Kedatangan Dan Integrasi Orang Melayu Di Sulawesi Selatan Sekitar Abad XV-XVII Berdasarkan Lontara. Thesis (P.HD). Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015.
- Norazit Selat, *Konsep Asas Antropologi*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, 5215/1919.
- Raja Ali Haji, *Silsilah Melayu dan Bugis*, Arena Wati, (penyelenggara), Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara, 1973.
- Rogayah A. Hamid, (diselenggarakan), *Hikayat Upu Daeng Menambun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.

Rusphin@ Mohd. Asyraf Taip. (2003). *Sejarah Politik Negeri Selangor: Kajian Berdasarkan kepada Teks: Hikayat Negeri Johor* (Latihan Ilmiah), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Susan Bolyard Millar, *Perkahwinan Bugis*, Makassar, Ininnawa, 2009.